

02 SEP 2002
Kadir-Tioman
PULAU TIOMAN AKAN DIBAIK PULIH

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Infrastruktur di Pulau Tioman akan dibaik pulih serta merta sebagai pulau bebas cukai.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata pelbagai projek telah dirancang dan akan dilaksanakan serta merta atas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dua minggu lepas Perdana Menteri sendiri melawat Pulau Tioman dan mengarahkan Lembaga Pembangunan Tioman melaksanakan infrastruktur itu serta merta," katanya pada sidang media Merdeka Classic Golf Charity Tournament di sini, hari ini.

Pembangunan yang akan dilakukan nanti termasuk membaiki jalan bagi kenderaan dan pejalan kaki, laluan lebih baik menyambung pantai barat dan pantai timur Pulau itu, membaiki jeti, membersihkan sungai dan penempatan semula rumah-rumah yang tidak sah di atas tanah kerajaan.

"Pihak jabatan dan kementerian yang berkaitan khususnya Jabatan Kerja Raya (JKR) akan berbincang dengan Lembaga Pembangunan Tioman untuk membuat kajian lebih terperinci mengenai projek-projek tersebut," katanya.

Langkah itu nanti akan menjadikan Pulau Tioman pulau ketiga dengan status bebas cukai selepas Pulau Langkawi dan Labuan.

Persidangan Dewan Rakyat pada 18 Jun lalu telah meluluskan lima Rang Undang-undang bertujuan menyediakan peruntukan bagi menjadikan pulau itu kawasan bebas cukai.

Lima rang undang-undang itu ialah Rang Undang-Undang Kastam (Pindaan) 2002, Rang Undang-Undang Cukai Jualan (Pindaan) 2002, Rang Undang-Undang Eksais (Pindaan) 2002, Rang Undang-Undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2002 dan Rang Undang-Undang Zon Bebas (Pindaan) 2002.

Selepas sidang media itu, Kadir menyampaikan cek bernilai RM35,205 kepada Persatuan Kanak-kanak Istimewa Kajang dan RM45,000 kepada Kidney Dialysis Machine.

Derma tersebut sebahagian sumbangan daripada 50 dermawan dan 140 pemain golf yang diperolehi menerusi program lelongan amal dan Kejohanan Golf Klasik Merdeka pada 24 Ogos lalu.

Pengerusi penganjur, Frankie Tan berkata beliau tidak menjangka jumlah pungutan melebihi RM100,000 tahun ini kerana pada tahun lepas mereka hanya mengumpul sebanyak RM45,000.

Kadir kemudian turut mengingatkan rakyat Malaysia supaya terus merayakan bulan merdeka hingga 16 Sept ini.

"Saya perhatikan semangat merayakan bulan merdeka dah makin luntur selepas 31 Ogos lalu dan orang ramai perlu tahu bahawa selepas ini pelbagai perayaan akan dilakukan di peringkat negeri, daerah dan sekolah," katanya.

-- BERNAMA
ZMN AHH ZB